

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENI BINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENI BINA DALAMAN  
DIS 2005 – MEI 2006**

Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang disediakan

oleh:

**NOR ADIBAH BT ISMAIL  
2003260524**

bertajuk

**LAPORAN  
CADANGAN MENAIKTARAF PEJABAT POS MEDAN TUANKU,  
LOT 303, JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN,  
50700 KUALA LUMPUR  
UNTUK POS MALAYSIA BERHAD**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi

Diploma Rekabentuk Dalam

Penyelia	:	Pn. Siti Rohamini Bt. Yusoff	_____
Koordinator	:	Cik Mawar Bt. Masri	_____
Ketua Program	:	Prof. Rusni Bin Abd Rani @ Ghani	_____

## PENGHARGAAN

Assalammualaikum w.b.t. terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran yang teramat sangat kerana dengan izinnya, dapat saya menyempurnakan laporan bagi projek akhir ini dengan lancar.

Pertama sekali ribuan terima kasih kepada ahli keluarga saya yang telah banyak memberikan sumbangan dan dorongan dari segi mental dan fizikal kepada saya selama ini. Juga kepada Cik Mawar Bt. Masri selaku koordinator subjek THE 386 yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada saya selama penulisan tesis ini berjalan.. Juga kepada Pn Siti Rohamini selaku penyelia dan Prof. Madya Rusni b. Rani selaku ketua program Diploma Senibina Dalaman sesi Dis- April 2006. Tidak lupa, jutaan terima kasih kepada Pn. Zaini bt. Aznam, Ketua Operasi Retail, Ibu Pejabat Pos Malaysia serta En. Harun b. Hashim, Ketua Pos, Pejabat Pos Medan Tuanku Kuala Lumpur kerana telah membenarkan saya menjalankan kajian serta memberi kerjasama selama saya berada di tapak projek- Pejabat Pos Medan Tuanku, Kuala Lumpur.

Akhir sekali ucapan terima kasih ditujukan buat rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan untuk semua yang terlibat secara langsung atau tidak, dalam menyiapkan projek akhir ini.

Saya amat berharap dengan hasil usaha saya ini akan dapat memberi manfaat serta membantu saya dalam meghadapi dunia realiti- alam pekerjaan sebenar yang lebih mencabar dan tercabar.

Sekian, terima kasih....Wassalam.

## ABSTRAK

Projek ini merupakan satu cadangan kerja menaiktaraf dan merekabentuk ruang dalaman yang baru untuk Pos Malaysia Berhad, Pejabat Pos Medan Tuanku, lot 303 Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50700 Kuala Lumpur. Faktor utama perancangan projek ini adalah untuk mengukuhkan imej Pos Malaysia yang sediada serta untuk menyelesaikan masalah yang timbul untuk kepentingan orang awam dan kakitangan Pos Malaysia sendiri. Selain itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dalam usahanya untuk menjadi salah sebuah perkhidmatan masyarakat yang berjaya. Sebelum proses ini bermula, beberapa bentuk dan kaedah kajian dijalankan untuk memperolehi maklumat-maklumat yang berkaitan secara terperinci. Kajian ini penting supaya setiap proses merekabentuk dapat dilakukan dengan lancar dan mengikut keselesaan pihak klien dan orang awam. Sehingga kini, kebanyakan Pejabat Pos yang ada di Malaysia masih lagi berada di takuk lama dengan menggunakan rekabentuk dan susunatur yang lama. Sistem yang ada juga sentiasa memberikan masalah kepada orang ramai dan pihak Pos Malaysia. Semoga dengan menaiktaraf serta pengubahsuaian yang dilakukan diharap dapat merealisasikan impian Pos Malaysia untuk memberikan perkhidmatan mel yang terbaik kepada masyarakat.

Insya-Allah.....



<b>PENGHARGAAN</b>	<b>i</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>iii - vi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>vii - ix</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xi - xii</b>

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
----------------------	-------------------

**BAB 1 PENGENALAN**

<b>1.0 PENGENALAN KAJIAN</b>	<b>1 - 2</b>
1.0.1 DEFINISI POS	3
1.0.2 SEJARAH POS	4 - 5
1.0.3 MATLAMAT	6 - 7

**1.1 KLIEN**

1.1.1 LATARBELAKANG KLIEN	8
1.1.1.1 Sejarah Penubuhan	8
1.1.1.2 Alamat Pejabat Operasi	8
1.1.2 LOGO	9
1.1.2.1 Warna – warna Korporat	10

**BAB 2 KAJIAN LATAR BELAKANG PROJEK**

<b>2.0 PENGENALAN PROJEK</b>	<b>11 - 12</b>
<b>2.1 SKOP KERJA</b>	<b>13</b>
<b>2.2 CARTA ORGANISASI</b>	<b>14</b>

## BAB 1

### 1.0 PENGENALAN KAJIAN

Infrastruktur dan kemudahan awam merupakan sesuatu yang penting dalam kehidupan manusia. Ia membantu memainkan peranan utama dalam usaha menaiktaraf kehidupan harian manusia. Sehubungan dengan itulah pihak kerajaan dan swasta sama-sama berganding bahu dan bekerjasama untuk merealisasikan harapan dan impian masyarakat negara. Kemudahan-kemudahan yang sediada seperti Pejabat Pos, Balai Bomba, Balai Polis, Masjid, dan lain –lain lagi sememangnya amat diperlukan di sesebuah kawasan petempatan. Hal ini adalah kerana selain dapat memudahkan lagi orang ramai mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan ia juga dapat memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat.

Sejak dahulu lagi kerajaan berusaha menyediakan pelbagai kemudahan kepada seluruh masyarakat. Ini adalah untuk memudahkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan bagi memudahkan urusan harian dan mengatasi masalah yang sering melanda. Pelbagai masalah mungkin akan timbul sekiranya kemudahan ini tiada atau tidak mencukupi terutama bagi mereka yang berada di luar bandar; ini hanya akan membebankan mereka. Kepesatan pembangunan mengakibatkan kemudahan perkhidmatan amat diperlukan kerana tanpa kemudahan-kemudahan ini kehidupan manusia pasti kurang lengkap dan mengakibatkan pelbagai masalah lain akan timbul.

Medan Tuanku, Kuala Lumpur – merupakan satu kawasan yang sedang pesat membangun serta dikenali ramai; ini adalah kerana Medan Tuanku terletak ditengah-